

PM: Jangan

JUL 2002

Oleh AZNAN BAKAR, JAAFAR AHMAD dan FAUZIAH AROF

JOHOR BAHRU 25 Julai — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini meminta kesemua 14 parti dalam komponen Barisan Nasional (BN) supaya menerima apa sahaja keputusan yang bakal dibuatnya berhubung pembahagian kerusi dalam pilihan raya umum akan datang.

Perdana Menteri berkata, dia membuat rayuan awal itu supaya apabila beliau selaku Pengerusi BN sudah membuat keputusan mengenainya, diharapkan semua dapat menerima.

"Saya rayu awal-awal lagi...bila saya putuskan, terima sajalah," katanya ketika menutup Konvensyen Barisan Nasional Johor di Stadium Tertutup Majlis Bandaraya Johor Bahru, di sini.

Jelas Dr. Mahathir, jika berlaku pertambahan kerusi bagi kawasan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) kelak, akan ada parti yang memohon untuk mendapatkan lebih pembahagian bagi mereka.

Menurut beliau, sedangkan dalam proses pembahagian kerusi itu pula tidak semua parti akan menerima apa yang dikehendaki dan diidamkan.

"UMNO mungkin hendak semua kerusi dan MCA pula hendak lebih separuh. Jadi kalau UMNO ambil semua dan MCA dapat separuh, MIC dapat apa?" katanya ketika menjelaskan prinsip teras BN yang sentiasa menyelesaikan segala perbezaan pendapat secara rundingan.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berna-rap semua pihak menerima apa juga keputusan yang bakal dibuat berhubung pembahagian kerusi itu.

"Dalam tambahan kerusi sudah tentu akan ada yang tidak dapat. Tapi kalau tidak dapat apa yang kita idamkan kita kena terimalah ini bukan giliran kita," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata, penga-gihan kerusi itu tetap dibuat secara adil untuk semua pihak.

"Ini cara kita, walaupun pada akhirnya yang akan menentukan keputusan itu saya sendiri," katanya.

Perdana Menteri berkata semua parti komponen kenalah menerima hakikat itu.

"Percayalah kita akan agih secara adil bagi semua pihak. Itulah cara kita," katanya yang diberikan tepukan gemuruh oleh ribuan hadirin yang memenuhi stadium itu termasuk Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman dan Presiden MCA Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik.

Dr. Mahathir juga menimbulkan kemungkinan pertukaran kawasan dan peng-undi yang berpindah masuk ke kawasan lain yang mungkin menimbulkan rasa tidak patut di kalangan parti komponen BN.

"Tapi kalau kita guna dacing (lambang BN), kalau kita timbang antara yang patut dengan yang tak patut, saya ingat berat lagi kepada yang patut...." kata Perdana Menteri.

Dr. Mahathir mengakui amat gembira

■ Lihat muka 5

bererebout kerusi

PM: Jangan berebut kerusi

setiap kali datang ke Johor, sambil memberikan antara sebabnya ialah sokongan padu Johor terhadap BN dan UMNO.

“Sejak awal lagi Johorlah yang memberi sokongan padu kepada UMNO,” katanya yang berharap sangat kepada Johor supaya mengekalkan kemenangan 100 peratus BN dalam pilihan raya umum akan datang sebagaimana pencapaian pada pilihan raya umum 1995 dan 1999.

Dr. Mahathir mahu BN Johor berusaha supaya rakyat terus memberikan sokongan kepada BN dan tidak membenarkan parti pembangkang terutama Pas menggugat kekuatan BN di negeri ini.

“Jangan benar parti Pas masuk

Johor... dia dengan keganasannya, fitnahnya, pembohongan, putar belit dan salah tafsir agamanya akan mencemar dan mengotorkan negeri Johor ini.

Bersih

“Oleh itu jagalah negeri Johor supaya sentiasa bersih dan selamat,” katanya yang diberikan tepukan gemuruh para hadirin dari kalangan pemimpin parti komponen BN neyri. Ada di antara mereka turut tertanya sudah hampirakah tarikh pilihan raya umum dengan kenyataan Perdana Menteri itu.

Dr. Mahathir seterusnya menggesa komponen BN supaya meningkatkan kerjasama dalam pelbagai bida-

ng melangkaui batasan politik termasuk menerusi kegiatan sukan.

Menurutnya, kerjasama tidak seharusnya hanya tertumpu ketika menjelang pilihan raya tetapi perlu lebih menyeluruh dan secara bertezuran.

Beliau berkata, kegiatan sukan secara bersama mampu meningkatkan lagi perpaduan di kalangan ahli-ahli parti yang akan menjurus pada kejayaan besar dalam pilihan raya umum.

“Kita boleh wujudkan pasukan-pasukan bola sepak dan badminton yang dianggotai oleh parti-parti BN dan kemudian mengadakan pertandingan sesama sendiri,” katanya.